

LENCONGAN TRAFIK DI KM165.35 HINGGA KM166.60, LALUAN BUKIT GAMBIR–TANGKAK (ARAH UTARA) BAGI KERJA PENYELENGGARAAN JALAN

Petaling Jaya, 17 September 2026: PLUS akan melaksanakan lencongan trafik di laluan Bukit Gambir ke Tangkak, KM165.35 hingga KM166.60 (Arah Utara), di Lebuhraya Utara-Selatan bermula 17 September dan berterusan hingga 31 Disember 2026.

Lencongan ini memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan jalan di KM166.2 (Arah Utara) sebagai sebahagian daripada usaha PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menambah baik infrastruktur lebuhraya.

(Sila rujuk infografik yang dilampirkan)

Sehubungan itu, pengguna dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik yang disediakan serta arahan petugas PLUS bagi memastikan kelancaran trafik dan keselamatan semua pihak.

Pengguna juga disaran merancang perjalanan lebih awal dan mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, platform media sosial PLUS termasuk X @plustrafik, serta paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi terpilih. Sekiranya berlaku kecemasan, pengguna lebuhraya boleh menghubungi PLUSLine di 1-800-88-0000 untuk mendapatkan bantuan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuhraya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Nadirah H. Rodzi Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-343 2120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my	Rofina Adam Perhubungan Media, Komunikasi Strategik PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---